

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Wednesday, 20 May, 2020 12:48 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: FW: Rezeki Ramadan Terima Kenaikan Pangkat

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 13 Mei 2020 20:38
To: UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>
Subject: Rezeki Ramadan Terima Kenaikan Pangkat



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 MEI 2020 / 20 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nur Shafiqah Rozizan (Pelajar Pelatih dari SMMTC)
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

REZEKI RAMADAN TERIMA KENAIKAN PANGKAT



UUM ONLINE: Pensyarah universiti ini yang menerima watikah kenaikan pangkat menganggap ia merupakan hadiah atau rezeki di bulan mulia ini, apatah lagi apabila ia hampir menjelang sambutan Syawal.

Pensyarah, Prof. Madya Ts. Dr. Aidi Ahmi berkata, beliau mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas rezeki kenaikan pangkat yang diperolehi di bulan Ramadan yang mulia ini.

"Bagi saya ini merupakan salah satu pencapaian akademik dan kerjaya saya selama berkhidmat lebih 20 tahun di UUM. In Sha Allah, dengan pencapaian ini saya akan berusaha ke arah yang lebih baik lagi terutama di dalam membantu UUM di dalam melonjakkan agenda di dalam bidang penerbitan, perundingan, penyelidikan dan kolaborasi di peringkat nasional, industri dan antarabangsa.

“Dengan pengiktirafan ini juga diharapkan ia membolehkan saya untuk berkongsi ilmu dan kepakaran di dalam bidang penyelidikan yang saya ceburi khususnya perakaunan sistem maklumat,” katanya dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA).

Sementara itu, Prof. Madya Dr. Kalthum Hassan dari Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) melahirkan rasa syukur dan gembira kerana pihak universiti masih meraikan staf akademik yang menerima watikah itu sebagai tanda penghargaan terhadap pencapaian staf terlibat.

Menurutnya, pelantikan kenaikan pangkat ini memberi satu semangat bukan sahaja kepada dirinya, malah semua warga UUM untuk terus berusaha dengan lebih cemerlang pada masa hadapan.

Pensyarah, Muhammad Fauzi Mokhtar pula berkata, beliau berterima kasih kepada pihak universiti di atas kepercayaan yang diberikan dan In Sha Allah beliau akan memberikan yang terbaik untuk UUM dan juga Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM).

Pada Majlis Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat Staf Akademik itu, seramai 27 staf menerima watikah yang disampaikan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani yang melibatkan enam kenaikan pangkat ke jawatan Profesor, Profesor Madya (16) dan lima pensyarah kanan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.